

15 OCT 2000

Mahathir-Filipina

PENDATANG FILIPINA AKAN PULANG JIKA KEADAAN AMAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin pendatang Filipina di negara ini akan pulang ke negara asal mereka jika keadaan di Selatan Filipina kembali aman.

"Kita suruh orang Filipina ini balik. Tapi Filipina tak buat persediaan untuk terima mereka. Kalau keadaan di selatan Filipina aman, saya yakin semua orang ini akan balik," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penanaman pokok alaf baru dan merasmikan Taman Bukit Jalil di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan akhbar bahawa tentera Filipina telah merampas sebuah pasport "Malaysia" yang dikatakan kepunyaan seorang pemimpin kumpulan Abu Sayyaf.

Mengulas lebih lanjut, Dr Mahathir berkata mungkin orang yang dimaksudkan itu pernah tinggal di Sabah.

"Mungkin dia itu dulu duduk di Sabah, dia dapat pasport. Sekarang dah jadi pemimpin Abu Sayyaf, kita mana tahu. Kalau dia nak masuk Abu Sayyaf kita bukan nak boleh jaga. Kita tidak dapat pastikan siapa yang akan menjadi penjenayah," katanya.

Kira-kira 200,000 pendatang tanpa izin dari Filipina dipercayai berada di Sabah.

Kawasan Selatan Filipina dilanda pergolakan politik sejak begitu lama termasuk pertempuran bersenjata di antara pasukan keselamatan negara itu dengan puak pemisah.

Keadaan bertambah tegang berikutan operasi tentera Filipina terhadap kubu-kubu kumpulan pemisah yang berterusan sehingga kini.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kritikan negara asing mengenai pengurusan alam sekitar negara ini.

"Kita tak ambil kira lagi sekarang ini semua laporan asing mengenai Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata malahan orang asing turut memberitahunya bahawa mereka sendiri tidak lagi bergantung kepada media barat.

"Orang lain pun memberitahu saya mereka tidak bergantung kepada akhbar asing, mereka tidak bergantung kepada akhbar Barat. Orang asing yang hendak melabur di sini, dia akan tahu keadaan di sini berbeza daripada laporan (media asing)," katanya.

Perdana Menteri berkata pelancong asing juga sedar akan propaganda negatif yang cuba disebar oleh media asing dan tidak mengambil berat laporan sebegini.

-- BERNAMA

RV AZZ RON